

Hanya khabar angin

Tun M nafi berlaku rombakan Kabinet dalam masa terdekat

SITI NURSYAHIDAH
ABU BAKAR

KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyangkal dakwaan kononnya akan berlaku rombakan Kabinet selepas cuti Tahun Baru Cina ini.

Beliau berkata, dakwaan berkenaan adalah berita palsu dan hanya khabar angin.

"Saya kekal dengan Kabinet sekarang," katanya kepada media selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran bersama Men-

teri Kewangan, Lim Guan Eng dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, semalam.

Pengesahan Perdana Menteri itu sekali gus menepis dakwaan sebuah blog bahawa Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi menggantikan Wan Azizah selepas Tahun Baru Cina.

Menerusi catatan blog itu juga, desas-desus pelantikan Mohamed Azmin itu dikuatkan lagi apabila Dr Mahathir memberikan pelbagai tugas penting kepada Mohamed Azmin termasuk sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Negeri Kelantan serta kemungkinan mengetuai Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di Wisma Chinese Chamber, kira-kira



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama Dr Wan Azizah dan Anwar hadir pada Sambutan Tahun Baru Cina, semalam.

jam 10.30 pagi.

Majlis turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan suami, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Antara yang hadir pada

majlis itu, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa menteri Kabinet lain serta Duta China ke Malaysia, Bai Tian dan Pesuruhjaya Tinggi Britain di Malaysia, Vicki Treadell.

Majlis yang bermula jam 10 pagi itu turut dihadiri ribuan tetamu yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama tetamu kehormat lain turut menggaul

Foto: BERNAMA

Yee Sang, acara tradisi masyarakat Tionghua.

Sementara itu, Guan Eng dalam ucapannya berkata, rumah terbuka itu diadakan dengan suasana yang sangat muhibbah kerana dianjurkan secara bersama dengan perniagaan yang mewakili kaum Cina, India dan Melayu.

Menurutnya, muhibbah antara kaum itu adalah watak yang dibawa kerajaan PH di bawah pimpinan Dr Mahathir.

"Saya juga yakin dengan perpaduan rakyat kita akan mencapai pembangunan ekonomi mampan.

"Marilah kita tunjuk yang rakyat Malaysia boleh bangkit semula supaya negara boleh dikenali sebagai harimau ekonomi Asia," katanya.